

Impak penutupan perlombongan arang batu terhadap pembangunan sosioekonomi penduduk rumah panjang di Bukit Dinding, Mukah Sarawak

ABSTRAK

Industri perlombongan arang batu memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Kajian terdahulu mendapati industri ini memberi faedah yang besar kepada pembangunan sosioekonomi komuniti setempat secara langsung dan tidak langsung. Namun, sifat industri ini tidak kekal dalam tempoh jangka masa panjang kerana kewujudannya bergantung kepada kesediaan bekalan sumber. Justeru itu, persoalan yang timbul ialah, adakah penutupan industri ini turut memberi kesan kepada pembangunan sosioekonomi penduduk setempat. Artikel ini mengupas persoalan ini dengan menilai kesan penutupan perlombongan arang batu kepada pembangunan sosioekonomi penduduk setempat. Untuk tujuan perbincangan, Bukit Dinding, daerah Mukah diambil sebagai kawasan kajian. Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui soal selidik, pemerhatian dan temu bual informal. Kajian ini juga menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada jabatan kerajaan dan kajian perpustakaan terutamanya untuk mendapatkan pemahaman tentang latar belakang perlombongan arang batu di Sarawak. Hasil kajian mendapati kesan akibat penutupan perlombongan arang batu ialah peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, ketidakbergantungan terhadap pekerjaan sampingan, perkembangan jaringan pengangkutan dan pembangunan jenis guna tanah.